

# MENGORAK LANGKAH KE HADAPAN BERSAMA



BUDGET  
2022

# KATA PENDAHULUAN

Rakan-rakan setanahair,

Sepanjang dua tahun yang lalu, kita telah mengharungi pelbagai cabaran akibat COVID-19. Warga Singapura telah bersatu, dan kini lebih kukuh berbanding apabila virus ini mula menular.


Kita terus menyediakan bantuan bersasar kepada golongan yang memerlukan, kepada pekerja, perniagaan dan keluarga. Menjangkau cabaran sekarang, kita mesti memberi tumpuan kepada masa depan dan menyiapkan diri kita untuk menangani cabaran dan merebut peluang dalam dekad mendatang.

Kita akan terus melabur dalam Rakyat dan perusahaan kita. Saya menggalak perniagaan untuk melakukan transformasi, membangunkan keupayaan baharu dalam pekerja, dan merebut peluang perkembangan baharu daripada ekonomi hijau.

Kita akan memperbaharui dan memperkuatkkan kontrak sosial. Kita sedang melabur dalam anak-anak kita dan meningkatkan kehidupan pekerja bergaji rendah, memperkuatk cukup tidaknya perbelanjaan semasa persaraan dan mempersiap bagi keperluan penjagaan kesihatan masa hadapan. Ini akan membolehkan kita membangunkan sebuah masyarakat yang mengambil berat dan inklusif.

Kita sedang membangunkan sebuah sistem pendapatan negara lebih adil dan berdaya tahan untuk menyokong keperluan perbelanjaan yang semakin meningkat. Semua orang akan menyumbang, mereka yang lebih berkemampuan akan membuat sumbangan yang lebih besar. Ini membolehkan kita untuk memastikan sistem cukai dan pemindahan yang lebih adil dan progresif.

Kita sedang mengorak langkah ke hadapan yang baharu hari ini – bersama, kita akan mengharungi pandemik ini, dan membangunkan Singapura yang lebih baik untuk masa hadapan.



**Lawrence Wong**  
Menteri Kewangan



# MELANG KE HA B

## MELABUR DALAM KEUPAYAAN BAHARU

- ▶ Menyokong Perniagaan  
halaman 6 - 7
- ▶ Melabur dalam Rakyat  
halaman 8 - 9

## MEMPERBAHARUI & MEMPERKUKUH KOMPAK SOSIAL KITA

- ▶ Sokongan GST  
halaman 11 - 12
- ▶ Sokongan bagi Keluarga  
& Masyarakat  
halaman 13 - 15



# KAH DAPAN ERSAMA

## MAJUKAN PERALIHAN HIJAU

- ▶ Pelan Hijau Singapura

halaman 17

- ▶ Cukai Karbon

halaman 18

## BANGUNKAN SISTEM CUKAI LEBIH ADIL & BERDAYA TAHAN

halaman 20 - 22





EKONOMI

# MELABUR DALAM KEUPAYAAN BAHARU



# SOKONGAN UNTUK PERNIAGAAN

## SOKONGAN SEGERA BAGI PERNIAGAAN

- ▶ **Pakej Bantuan Pekerjaan dan Perniagaan \$500 juta**
  - ▶ **Geran Pemulihan Perniagaan Kecil** baru
    - ▶ Pembayaran **\$1,000** bagi setiap pekerja setempat (sehingga \$10,000 setiap firma) bagi SME dalam sektor paling terjejas oleh sekatan COVID-19
    - ▶ Pembayaran **\$1,000** bagi syarikat pemilikan tunggal dan perniagaan perkongsian dari sektor yang layak, dan penaja serta pemilik gerai pasar dan kedai kopi yang memiliki lesen SFA, yang tidak menggajikan pekerja setempat
  - ▶ Lanjutkan **Insentif Pertumbuhan Pekerjaan** sehingga Sep 2022 untuk menggalakkan pengambilan pekerja yang sukar mencari pekerjaan
- ▶ Lanjutkan **Program Pinjaman Penyambung Sementara** dan **Skim Pembiayaan Perusahaan (EFS) – Pinjaman Perdagangan** sehingga 30 Sep 2022, dengan parameter yang disemak
- ▶ Lanjutkan **EFS – Pinjaman Projek** dipertingkat sehingga 31 Mac 2023 untuk menyokong projek pembinaan domestik
- ▶ **Pakej Bantuan Sektor Penerbangan** untuk memelihara keupayaan utama dan mempertingkat status sebagai hab penerbangan antarabangsa

## PENDIGITALAN DAN INOVASI

- ▶ Tambahan \$200 juta bagi **membangunkan keupayaan digital**
- ▶ Meningkatkan keupayaan pusat-pusat yang terlibat dalam **teknologi, inovasi, dan kegiatan perusahaan** di Politeknik dan ITE sepanjang 5 tahun akan datang

## MEMPERKUKUH PERUSAHAAN SETEMPAT

- ▶ \$600 juta untuk memperluaskan **Geran Huraian Daya Penghasilan (PSG)** untuk menyokong lebih daripada 100,000 projek PSG sepanjang 4 tahun akan datang
- ▶ Inisiatif **Perusahaan Global Singapura** yang baharu bagi perusahaan setempat lebih besar untuk berinovasi dan berkembang di peringkat antarabangsa
- ▶ **Program Eksekutif Global Singapura** yang baharu bagi menarik lebih ramai bakat muda untuk menyertai perusahaan global Singapura

## SKIM PEMBIAYAAN PERUSAHAAN

- ▶ Mempertingkat **Pinjaman Penggabungan dan Pengambilalihan (M&A)** untuk menyertai kegiatan M&A setempat dari 1 Apr 2022 hingga 31 Mac 2026
- ▶ Kekalkan 70% perkongsian risiko di bawah **Pinjaman Perdagangan** dipertingkat selepas 30 Sep 2022 bagi perusahaan yang beroperasi dalam pasaran baharu

## MELABUR DALAM RAKYAT

### MELABUR DALAM RAKYAT KITA

- ▶ **Kredit Perusahaan SkillsFuture (SFEC)** meliputi 90% daripada perbelanjaan yang layak, sebagai contoh, reka semula pekerjaan, kursus latihan
- ▶ Memperluaskan SFEC kepada tambahan 40,000 SME dengan **mengetepikan keperluan bagi sumbangan Levi Pembangunan Kemahiran**

### PEMANDANAN KEMAHIRAN LEBIH BAIK

- ▶ \$100 juta untuk menyokong NTUC mempertingkat **Jawatankuasa Latihan Syarikat** dan memperkenalkan **geran baharu** bagi menyokong pelan transformasi syarikat



## SOKONGAN BAGI PEKERJA PERTENGAHAN KERJAYA

- ▶ **Program Laluan Pertengahan Kerjaya SGUnited – Penempatan di Syarikat** dijadikan program tetap dengan penempatan sepenuh masa dan elauan latihan
- ▶ **Program Peralihan Kerjaya SkillsFuture** baharu untuk menyediakan kursus latihan berlandaskan industri yang bermutu tinggi bagi mereka yang mencari pekerjaan

## PENYESUAIAN KEPADA DASAR PEKERJA ASING

- ▶ Perubahan pada Pas Pekerjaan
  - ▶ Gaji kelayakan minimum dinaikkan kepada **\$5,000**; \$5,500 bagi perkhidmatan kewangan
  - ▶ Bagi permohonan baharu dari Sep 2022, dan permohonan pembaharuan dari Sep 2023
- ▶ Perubahan pada Pas S
  - ▶ Gaji kelayakan minimum dinaikkan kepada **\$3,000**; \$3,500 bagi perkhidmatan kewangan
  - ▶ Bagi permohonan baharu dari Sep 2022, dan permohonan pembaharuan dari Sep 2023
  - ▶ Levi Peringkat 1 dinaikkan kepada \$650 pada 2025
- ▶ Perubahan dasar Permit Kerja bagi sektor pembinaan dan pemprosesan
  - ▶ **Had Maksimum Nisbah Tanggungan** diturunkan daripada 1:7 kepada **1:5** bermula 1 Jan 2024
  - ▶ **Rangka kerja levi** baharu mulai 1 Jan 2024

SOSIAL 

# MEMPERBAHARUI & MEMPERKUKUH KONTRAK SOSIAL KITA





## SOKONGAN GST

**\$6.6 BILION PAKEJ JAMINAN GST DIPERTINGKAT**

- ▶ **Pembayaran tunai berjumlah \$700 hingga \$1,600** kepada warga Singapura dewasa bagi tempoh 5 tahun akan datang
- ▶ **Pembayaran berjumlah \$600 hingga \$900 Baucar GST (GSTV) – Tunai (Bonus Warga Emas)** bagi tempoh 3 tahun akan datang untuk warga emas berusia 55 tahun dan ke atas yang layak
- ▶ **\$330 hingga \$570 tambahan GSTV – rebat U-Save** bagi 4 tahun akan datang bagi isi rumah HDB yang layak
- ▶ Tokokan **MediSave \$450** bagi 3 tahun akan datang bagi kanak-kanak warga Singapura berusia 20 tahun ke bawah serta warga emas berusia 55 tahun ke atas
- ▶ **Baucar Majlis Pembangunan Masyarakat (CDC) \$400** sepanjang 2023 dan 2024 bagi isi rumah warga Singapura

## SKIM BAUCAR-GST (GSTV) TAMBAHAN

- ▶ **Rebat Bayaran Perkhidmatan dan Penyenggaraan (S&CC)** (komponen baharu)
- ▶ Meningkatkan jumlah **Pendapatan yang Ditaksir** bagi GSTV – Tunai daripada \$28,000 kepada **\$34,000**, bagi manfaat lebih ramai warga Singapura
- ▶ Meningkatkan pembayaran **GSTV – Tunai**:

Nilai Tahunan Rumah	Pembayaran GSTV – Tunai
\$13,000 dan ke bawah	<b>\$500</b> (naik dari \$300)
\$13,001 hingga \$21,000	<b>\$250</b> (naik dari \$150)

## SOKONGAN BAGI KELUARGA & MASYARAKAT

### SOKONGAN SEGERA BAGI KELUARGA

- ▶ **\$560 juta Pakej Bantuan Keluarga**
  - ▶ **Rebat GSTV – U-Save** digandakan (tambahan sehingga **\$285** bagi isi rumah HDB) bagi baki suku tahun 2022
  - ▶ Tokokan **\$200** kepada Akaun Pembangunan Anak, Akaun Edusave atau Akaun Pendidikan Posmenengah bagi kanak-kanak berusia 20 tahun dan ke bawah
  - ▶ **Baucar CDC \$100** bagi semua isi rumah warga Singapura pada 2022

### MEMPERKUKUH CUKUP TIDAKNYA PERBELANJAAN SEMASA PERSARAAN

- ▶ Meneruskan kenaikan seterusnya bagi **kadar sumbangan CPF** untuk pekerja warga emas berusia 55 hingga 70 tahun pada 2023 (termasuk **Imbangan Peralihan CPF**)
- ▶ Meningkatkan **Jumlah Persaraan Asas** bagi mereka yang berusia 55 tahun pada 2023 hingga 2027

### MELABUR DALAM ANAK-ANAK KITA

- ▶ Mempertingkat **Skim Perumahan Permulaan Baharu** untuk menyokong keluarga yang mempunyai anak-anak dan tinggal di flat sewa untuk membeli flat buat kali kedua
- ▶ Mempertingkat **program KidSTART** seluruh negara
- ▶ Meluaskan **Rangkaian Masyarakat UPLIFT Seluruh Negara** untuk memberi sokongan kepada lebih ramai pelajar daripada keluarga kurang bernasib baik

- ▶ Menyepadu penyediaan khidmat sosial, selaras dengan usaha mempertingkatkan **Jalinan Masyarakat** bagi menyokong lebih banyak keluarga dengan anak-anak yang tinggal di flat sewa

## MEMPERSIAPKAN KEPERLUAN PENJAGAAN KESIHATAN MASA HADAPAN

- ▶ Healthier SG (Singapura Lebih Sihat) – Mendekatkan penjagaan kesihatan yang mudah diakses masyarakat
- ▶ Kerjasama lebih rapat antara kelompok penjagaan kesihatan dan rakan kongsi masyarakat
- ▶ Mempertingkat dan menyepadu khidmat kesihatan mental dan sosial

## MASYARAKAT PRIHATIN DAN INKLUSIF

- ▶ Melancarkan **Pelan Induk Pemerkaaan 2030** untuk memperkuuh sokongan bagi golongan kurang upaya dalam bidang pekerjaan, pembelajaran sepanjang hayat dan penjagaan sementara
- ▶ Tokokan \$100 juta kepada **Program Mengumpul Dana yang Dipertingkat** sehingga akhir tahun kewangan 2024 untuk dipadankan dengan derma yang layak
- ▶ Tokokan \$26 juta kepada **Dana Keupayaan Badan-badan Amal** untuk membantu pertubuhan-pertubuhan amal meningkatkan kerja yang dilakukan untuk masyarakat
- ▶ Lanjutkan **Dana One Team Singapore** bagi 5 tahun untuk memadankan sumbangan bagi Sukan Berprestasi Tinggi
- ▶ Tokokan \$150 juta untuk 3 tahun kepada **Dana Pemadanan Kebudayaan** untuk memadankan sumbangan pertubuhan-pertubuhan amal Seni dan Warisan

## MEMPERTINGKAT KEHIDUPAN PEKERJA BERGAJI RENDAH

- ▶ Memperluas **Model Gaji Progresif** kepada sektor runcit, perkhidmatan makanan dan pengurusan sisa; serta lain-lain pekerjaan, sebagai contoh, pekerja pembersihan digajikan syarikat, pentadbiran dan pemandu
- ▶ Syarikat yang menggajikan pekerja warga asing diperlukan membayar gaji pekerja tempatan sekurang-kurangnya pada kadar **Gaji Kelayakan Pekerja Tempatan**, iaitu \$1,400 sebulan sekarang
- ▶ Pembiayaan bersama kenaikan gaji bagi pekerja bergaji rendah antara 2022 dengan 2026 di bawah **Skim Kredit Gaji Progresif**

Tahun	Kenaikan Gaji
2022 - 2023	50%
2024 - 2025	30%
2026	15%

- ▶ Mempertingkat **Skim Tambahan Pendapatan Daya Kerja** untuk merangsang kenaikan gaji pekerja bergaji rendah
  - ▶ Lebih ramai pekerja mendapat manfaat dengan pendapatan kelayakan lebih tinggi sehingga \$2,500 sebulan
  - ▶ Dilanjutkan kepada pekerja berusia 30 hingga 34 tahun
  - ▶ Pendapatan kelayakan minimum baharu: **\$500**
  - ▶ Pembayaran tahunan maksimum lebih tinggi antara **\$2,100 hingga \$4,200**



KEMAMPMANAN

# MAJUKAN PERALIHAN HIJAU KITA





## MAJUKAN PERALIHAN HIJAU KITA

### CITA-CITA BERSIH SIFAR

- ▶ Mempertingkat cita-cita Singapura mencapai **status sifar bersih menjelang atau sekitar pertengahan abad ini**

### PELAN HIJAU SINGAPURA

- ▶ Peluang pertumbuhan dan pekerjaan hijau seperti dalam bidang kewangan hijau dan perkhidmatan karbon
- ▶ Meningkatkan **bon hijau yang dikeluarkan sektor awam** kepada \$35 bilion menjelang 2030; menerbitkan Rangka Kerja Bon Hijau Singapura menjelang 2022
- ▶ Mempercepat penggunaan Kenderaan Elektrik dengan menyediakan lebih banyak pusat mengecas berhampiran kediaman

## CUKAI KARBON

- ▶ Penyesuaian kepada kadar cukai karbon:

Tahun	Kadar (setiap tan)
Kini	\$5
2024 - 2025	\$25
2026 - 2027	\$45
Menjelang 2030	\$50 hingga \$80

- ▶ Membolehkan perniagaan yang perlu membayar cukai karbon untuk menggunakan kredit karbon bagi menampung **sehingga 5%** pengeluaran yang dicukai bermula 2024
- ▶ Rangka kerja peralihan untuk membantu sektor pengeluaran intensif dan sektor terdedah kepada perdagangan untuk mengurus kesan jangka pendek kepada daya saing perniagaan
- ▶ Perincian lanjut untuk menyokong isi rumah akan diumumkan tahun depan, sebagai contoh, rebat U-Save tambahan



CUKAI

# MEMBANGUNKAN SISTEM CUKAI LEBIH ADIL & BERDAYA TAHAN



# SISTEM CUKAI LEBIH ADIL & BERDAYA TAHAN

## CUKAI PENDAPATAN KORPORAT

- ▶ Meneroka tokokan cukai yang dinamakan rejim **Kadar Cukai Efektif Minimum (METR)**, sejajar dengan kadar cukai efektif minimum global di bawah Hakisan Dasar dan Peralihan Keuntungan (BEPS) 2.0 Tuggak 2
- ▶ IRAS akan menjalankan konsultasi dengan industri mengenai corak METR

## CUKAI PENDAPATAN PERIBADI

- ▶ Peningkatan kepada kadar cukai tertinggi marginal bermula Tahun Taksiran 2024:

Bahagian Pendapatan Dikenakan Bayaran	Kadar Cukai
Melebihi \$500,000 sehingga \$1 juta	<b>23%</b> (naik dari 22%)
Melebihi \$1 juta	<b>24%</b> (naik dari 22%)



## CUKAI HARTANAH

- ▶ Kenaikan kepada kadar cukai bermula 2023 dalam dua peringkat. Kadar daripada 2024 adalah:
  - ▶ Hartanah kediaman yang **tidak didiami pemilik: 12%-36%** (naik daripada 10%-20% sekarang)
  - ▶ Hartanah kediaman yang **didiami pemilik** bagi bahagian nilai tahunan melebihi \$30,000: **6%-32%** (naik daripada 4%-16% sekarang)

## YURAN PENDAFTARAN TAMBAHAN (ARF)

- ▶ Kadar ARF lebih tinggi bagi kereta mewah
- ▶ Tambahan peringkat ARF bagi kereta pada kadar **220%** bagi bahagian Nilai Pasaran Terbuka melebihi \$80,000

Nilai Pasaran Terbuka	Kadar ARF
\$20,000 pertama	100%
\$30,000 seterusnya	140%
\$30,000 seterusnya	180%
<b>\$80,000 ke atas</b>	<b>220%</b>

## CUKAI BARANGAN DAN PERKHIDMATAN (GST)

- ▶ Kenaikan GST akan ditangguh ke 2023 dan diperkenalkan dalam dua tahap:

Tempoh Masa	Kadar GST
Bermula 1 Jan 2023	8%
Bermula 1 Jan 2024	9%

- ▶ Untuk mengurangkan kesan kenaikan GST:
  - ▶ \$6.6 bilion **Pakej Jaminan** dipertingkat bagi semua warga Singapura (halaman 11)
  - ▶ **Skim GSTV** dipertingkat tetap bagi keluarga berpendapatan rendah dan pertengahan (halaman 12)
  - ▶ Tiada kenaikan bagi yuran dan bayaran pemerintah bagi 1 tahun bermula 1 Jan 2023
  - ▶ GST akan terus diserap bagi penjagaan kesihatan dan pendidikan yang menerima subsidi awam
  - ▶ Tambahan \$15 juta setahun bagi Majlis Bandaran untuk menyerap tambahan GST yang perlu dibayar bagi Bayaran Perkhidmatan dan Penyenggaraan
  - ▶ **Geran Huraian Daya Penghasilan** bagi perniagaan untuk memohon subsidi bagi huraian perakaunan dan urus niaga (halaman 7)

# MOF

MINISTRY OF FINANCE  
SINGAPORE

Baca lebih lanjut di [singaporebudget.gov.sg](http://singaporebudget.gov.sg)



Berdasarkan maklumat tersedia pada 18 Februari 2022